

# Melayu Baru mesti jadi bangsa bertaraf dunia

Rakyat patut manfaat peluang bekerja di luar negara bagi tingkat kemahiran, daya saing, profesionalisme

## Soal Jawab

Bagaimana pandangan Prof terhadap sikap profesional Melayu yang ingin terus menetap dan bekerja di luar negara dan enggan kembali menabur bakti di negara sendiri?

Ini mungkin satu trend daripada beberapa trend yang berlaku terhadap orang Melayu ketika ini. Pada asasnya, saya faham trend yang saudara ingin bincangkan, tetapi ia faktor asas. Mungkin masalah lain yang lebih besar lagi daripada masalah itu adalah masalah pelajar dalam negeri. Graduan menganggur.

Kita ingin tahu apa sebabnya (berlaku semua masalah ini), itu kita perlu faham dan adakah ini satu penyakit yang simptomnya sangat nyata, tetapi sebabnya tidak nyata. Kita ingin bincang secara rasional adakah soal zahir seperti statistik dan pilihan kerja dan soal batin seperti minda - dia rasa tidak selesa terhadap sesuatu kerja atau menunggu peluang lain atau mencari keadaan lebih selesa.

Saya punya analisis, kalau kita jumpa 10 orang, kita dapat 10 macam cerita. Saya nak fokus benda itu dengan pendekatan diperkenalkan ahli falsafah Perancis pada kurun ke-17, iaitu Renee Descartes. Beliau berkata, jika kita hendak membuat analisis, pilih benda yang mudah difahami kemudian baru fikirkan perkara yang rumit.

Kita bermula dengan benda yang mudah, iaitu masalah yang dihadapi orang Melayu, aliran pemikiran bangsa Melayu ketika ini, keadaan masyarakat Melayu ketika ini. Itulah isu sebenar masyarakat Melayu hari ini.

Apakah pengaruh dalam masyarakat Melayu, aliran yang menjadi halangan atau hambatan orang Melayu hari ini? Jika lihat keadaan ketika saya budak-budak di Batu Pahat, Johor; masyarakat Melayu ketika itu berlainan. Sehingga Jepun masuk, keadaan tidak berubah sangat.

Selepas Jepun, orang Melayu merdeka. Di sinilah titik permulaan yang menarik, orang Melayu menjadi giat menentang British dan berusaha mendapatkan merdeka. Pada masa itu, ada perubahan besar dan antara aliran perubahan yang besar sehingga hari ini. Dalam masa 10 tahun yang lalu, sudah wujud golongan 'Kelas Menengah Baru' atau 'Bumiputera Baru'.

Mereka kebanyakannya tinggal di kota, fokusnya Kuala Lumpur, Johor Bahru atau Pulau Pinang. Mereka ini golongan yang baru, kalau 20 tahun dulu, anda tak jumpa golongan Melayu seperti ini.

Dulu mungkin ada seorang dua, tetapi sekarang lebih ramai, menjadi satu kumpulan. Kumpulan ini boleh dikenali sebagai 'Melayu Baru'.

Sifat mereka adalah 'kiasu' iaitu mahu lebih daripada orang lain. 50 tahun dulu, orang Melayu tidak kiasu, mereka tidak 'garang' dan mahu lebih (daripada orang lain). Sekarang, mereka mahu lebih, mereka mahu lebih barang, mahu lebih televisyen, motosikal hendak dua.

Mereka dipengaruhi media, iklan. Inilah Melayu Baru. Saya banyak mengkaji mengenai hal ini dan pengaruh media menyebabkan orang berfikir benda yang salah boleh menjadi betul dan benda yang berdosa menjadi tidak berdosa.

Melayu Baru, mereka ini tidak berapa pentingkan dari segi keimanan. Jika kita tanya mereka betul-betul, mengapa mereka bercakap bohong atau mengambil rasuah, mereka akan kata 'minkyak dengan air tidak bercampur' iaitu dunia wujud pada hari ini dan akhirat kemudian.

Saya pernah tanya golongan seperti mereka, adakah mereka berasa berdosa menerima rasuah, mereka menjawab, "tidak, rasuah itu hak saya. Saya patut dapat lebih (material), rumah yang besar dan lain-lain."

(Semangat hendak lebih maju dalam hidup) Melayu Baru ini bagus untuk kelangsungan hidup orang Melayu. Tinggal lagi mereka mempunyai satu kelemahan iaitu mahu cepat. Mereka mahu segera, mereka mahu kaya cepat.

Melayu yang baru ini sememangnya mementingkan diri sendiri, yang lain pergi mampuslah engkau, asal aku selamat dalam hidup.

(Semangat) Melayu Baru ini bagus, tetapi menyebabkan timbulnya masalah seperti rasuah dan sebagainya dan itu tidak baik. Akhirnya, ini boleh merosakkan masyarakat Melayu secara umum.

Ia hanya berdasarkan wang dan kemewahan dan bukan lagi semangat ingin tolong orang, berbuat baik dan sebagainya. Bagi mereka, apa-apa hal pun fikiran nasib diri mereka sendiri dulu bak pepatah Melayu, 'sebelum kita susukan anak kera, kita mesti susukan anak sendiri dulu'.

Aspek yang negatifnya mengenai Melayu Baru ini, mereka mementingkan materialistik. Mereka lebih fokuskan mengenai luaran dan bu-

**FENOMENA** adanya profesional Melayu yang lebih berminat bekerja di luar negara berbanding pulang mencurahkan bakti di negara sendiri mencetus pertanyaan sama ada keadaan ini akan merugikan pembangunan negara. Bagaimanapun, pertemuan wartawan *Berita Minggu*, **RASID RAHAMAN** dan **NASRON SIRA RAHIM** dengan tokoh cendekiawan negara, Prof Diraja **Ungku Aziz**, mendapati masalah ini sebenarnya berpunca satu masalah lain lebih besar dalam masyarakat Melayu. **Ungku Aziz** berpandangan situasi penghijrahan warga Malaysia ke luar negara adalah kesan, manakala titik mulanya adalah perubahan dialami masyarakat Melayu sendiri, terutama selepas 50 tahun negara mencapai kemerdekaan.

kannya batiniah. Kalau dia baca doa pun, dia baca cepat-cepat, tidak memahami makna doa yang dia baca dalam bahasa Arab jadi ia tidak memberi kesan dan mempengaruhi minda serta moralnya.

Kebanyakan mereka tertumpu di bandar besar kerana trend urbanisasi. Selepas gerakan ini mula pada kurun ke-20, orang Melayu berhijrah dari desa ke kota.

Mereka beranggapan bandar adalah lebih bagus daripada desa. Golongan luar bandar golongan kelas kedua. Lepas perang dunia kedua, trend ini semakin menular. Lepas merdeka lagi cepat menular. Bukti-tanya apabila tibanya hari perayaan, bandar kosong kerana orang bandar balik kampung.

Bagaimanapun, untuk meneruskan hidup, mereka tinggal di bandar. Mereka tidak mahu tinggal di desa kerana makan tidak selesa, air tidak selesa dan banyak tidak selesa.

Jadi proses urbanisasi ini menyebabkan kehidupan orang Melayu berubah. Orang Melayu nak sesuaikan diri dengan kehidupan baru ini, wujud banyak masalah, tetapi orang Melayu Baru ini, penuh semangat. Mereka kata mereka akan menghadapi perubahan itu dengan selamat.

**Adakah sikap Melayu Baru menyebabkan ada pelajar yang ingin terus menetap di luar negara berbanding balik berbakti di negara sendiri?**

Semangat mereka apabila sampai di luar negara, mereka berusaha kuat untuk lulus dengan cemerlang. Mereka bekerja keras untuk lulus.

Saya pernah berjumpa dengan seorang wanita Melayu yang hidup 20 tahun bersendirian di England. Dia berjaya secara profesional, tetapi akhirnya dia pulang ke Malaysia dan berjaya juga di sini. Saya tidak fikir golongan seperti itu adalah suatu masalah.

(Contohnya) Pekerja Bangladesh yang bekerja di London mungkin ada 20,000 orang. Ada yang bekerja di kedai burger dan ada yang bekerja di bidang profesional. Jika bekerja di Bangladesh, siapa yang hendak bekerja di situ.

Melayu Baru ini mementingkan material. Rakyat negara kita yang

**“Orang kita lebih ringkas dari segi pemikirannya. Jati diri orang Melayu kini berada dalam keadaan perubahan. Kita kena lihat apa yang berlaku dalam perubahan ini”**

bekerja di England kerana mereka mendapat kerja yang bagus di sana. Pekerja Malaysia yang bekerja di luar negara kerana adanya peluang pekerjaan di sana dan pendapatan yang diberikan juga lumayan, mungkin RM15,000 hingga RM20,000 sebulan. Mereka pula memiliki keyakinan dan pengalaman untuk mendapat kerja di sana.

Bagaimanapun, jumlah orang Melayu yang bekerja di luar negara mungkin tidak ramai dan itu bukanlah masalah utama orang Melayu.

Jika anda seorang jurutera dan doktor yang bagus, anda boleh mendapat pekerjaan yang bagus di mana-mana negara di dunia. Contohnya dalam bidang media - kerana anda semua dalam bidang media - jika anda dapat kerja bagus di al-Jazeera, al-Jazeera akan beri anda gaji yang lumayan, tetapi berapa ramai orang Melayu yang bekerja di al-Jazeera?

Kebanyakan orang Melayu dalam media yang tidak laku di luar negara (tidak mencapai tahap profesional bertaraf dunia) maka mereka akan bekerja di dalam negara saja. Saya bukan hendak merendahkan martabat (bekerja dalam negara), tetapi untuk menjadi wartawan bertaraf dunia, adakah kita memiliki sesiapa seperti itu?

Jadi mengapa orang Melayu tidak boleh menjadi seperti itu (pekerja bertaraf dunia)? Kita heboh apabila dapat mendaki Gunung Everest dan

berenang di sana sini sedangkan bangsa lain sudah lama lakukan perkara seperti itu.

Kita boleh telan 50 dadu dan mencatat rekod dunia, tetapi kejayaan seperti itu hendak buat apa?

Kita patut melihat masalah ini sekarang, bagaimana ingin menjadikan orang Melayu sebagai bangsa yang bagus pada masa kini?

Di sinilah pentingnya kewujudan Melayu Baru (bersemangat untuk bersaing). Kelangsungan hidup bangsa Melayu bergantung kepada golongan ini.

Masa depan Melayu bergantung kepada golongan 'Melayu Baru' sama ada anda suka atau tidak. Walaupun ada Melayu Baru yang korup, mereka adalah produk kepada perubahan ini, jika mereka tidak korup, mereka tidak akan dapat rumah besar, tidak jadi Datuk.

Mereka hendak cepat, jika bekerja 20 tahun baru jadi kaya, mereka tidak mahu sebegini, mereka mahu kaya cepat.

**Kebanyakan profesional ini tidak pulang menabur bakti di negara sendiri. Adakah mereka lebih mementingkan materialistik daripada semangat cintakan bangsa dan negara?**


Cintakan bangsa sebenarnya satu kepurapuraan (dalam realiti kehidupan orang Melayu ketika ini). Patriotisme orang Melayu ketika ini hanyalah pada luaran saja, bukan batin.

Kalau di Denmark atau Amerika Syarikat, setiap hari mereka naikan bendera. Mereka lebih patriotik berbanding kita. Di Britain pun mana ada bendera di luar rumah, tetapi jika di Denmark, ada.

Kenapa? Ini disebabkan Denmark adalah negara yang sudah lama (wujud), negaranya memiliki kehidupan yang tinggi standardnya, sangat matang dan mereka boleh fikir dengan kaedah yang lebih matang.

Orang kita lebih ringkas dari segi pemikirannya. Kita sampai kepada persoalan jati diri orang Melayu. Jati diri orang Melayu kini berada dalam keadaan perubahan. Kita kena lihat apa yang berlaku dalam perubahan ini.

Pada ketika ini, (perubahan ber-



laku) disebabkan beberapa trend, tidak saja Bumiputera Baru. Antara lain persoalan bahasa. Baru-baru ini kerajaan bagi tahu sekarang bahasa Malaysia, dulu bahasa Melayu dan penukaran disebabkan untuk perpaduan.

Orang Melayu hari ini, apa sudah berlaku dengan bahasa mereka? Orang Melayu menghadapi masalah besar dengan bahasa hari ini. Misalnya masalah sebutan. Dalam bahasa Melayu, orang cakap 'you', you pergi mana, you buat apa... kalau zaman 50 atau 100 tahun dulu orang tak bercakap seperti itu (mereka menggunakan bahasa Malaysia iaitu awak, kamu, kau). Orang Melayu sendiri tidak sayangkan bahasa mereka.

Kenapa sekarang sudah wujud bahasa rojak? Jika kita lihat dalam televisyen sekarang apa bahasa yang digunakan? Campur Melayu, campur Inggeris, campur Cina. Kamu ingat jati diri kamu akan lebih baik kerana bercakap dengan bahasa itu? Saya tak fikir begitu. Saya fikir orang Melayu harus ada gerakan (memperbetulkan masalah ini) dari sekarang.

Melayu Baru ini hanyalah terasnya saja. Remaja lepas sekarang bercakap bahasa Melayu Baru dan ini adalah sangat teruk. Jika kita kaji apa bahasa yang digunakan remaja lepas ini, apa bahasa mereka, apa kosa kata mereka? Kalau dulu, kita boleh andaikan

**“Aspek yang negatifnya mengenai Melayu Baru ini, mereka mementingkan materialistik. Mereka lebih fokuskan mengenai luaran dan bukannya batiniah. Kalau dia baca doa pun, dia baca cepat-cepat, tidak memahami makna doa yang dia baca dalam bahasa Arab jadi ia tidak memberi kesan dan mempengaruhi minda serta moralnya”**

mereka yang berusia 50 tahun pada 50 tahun dulu, kalau dia cakap Melayu, kita tidak akan dengar satu ayat pun yang ada bahasa rojak kerana ia tidak ada.

Ketika saya tamat kolej Inggeris dan sambung belajar di Jepun, apabila saya balik ke Malaysia, saya dapati bahasa rojak belum lagi tiba. Ia mula masuk pada 50-an, 60-an ia berkembang dan kini ia digunakan di mana-mana.

Bahasa ini dicakap oleh orang Melayu kepada orang Melayu. Ini masalah. Bahasa orang Melayu sudah hampir hilang, sudah dicemar. Ini merugikan orang Melayu. Satu pembetulan perlu dilakukan. Kita harus bangun dan lihat di mana kita sekarang dan ke mana kita akan pergi?

Bagi orang Melayu biasa yang belajar di universiti, berapa perkataan Melayu yang dikuasainya? 7,000 hingga 8,000 mungkin. Perkataan Inggeris mungkin jumlah yang sama jika dia bernasib baik dan banyak baca buku. Mengapa dia tidak menguasai sehingga 20,000 perkataan?

Jika kita lihat orang India. Seorang pensyarah saya ketika belajar dulu, beliau buat banyak kajian mengenai perkataan Tamil yang dicakap bangsa itu. Dia mendapati, dulu perkataan Tamil adalah 10,000, tetapi sekarang, jika nasib baik mungkin 2,000 hingga 3,000 perkataan. Sekarang perkataan Tamil semakin terhad.

Kita tidak menyedari hal ini, tetapi bagi orang India, perkataan mereka semakin hilang 'pupus' dan mengecil. Nasib orang Melayu juga akan jadi macam itu jika orang Melayu sudah tidak cakap bahasa Melayu (sepenuhnyanya).

Bahasa Melayu kita hari ini bukanlah bahasa yang tinggi struktur bahasanya, kita tidak perlu bercakap seperti 'patik sembah' dan sebagainya. Kita bercakap bahasa Melayu harian, tetapi bahasa itupun semakin mengecil dalam perkataan dan tata bahasa.

Orang Melayu menghadapi masyarakat yang semakin hari semakin mengecil, tercemar dan terganggu. Rugi. Oleh itu kita perlu sedar.


Kalau kita boleh campurkan semangat Melayu Baru ini dengan jati diri orang Melayu yang nak jadi orang Melayu dan orang Melayu nak cakap Melayu, kenapa kita tidak boleh jadi seperti itu?

Dulu kita jalankan Pusat Asasi Sains, kita boleh ajar pelajar subjek Sains dalam bahasa Melayu dan sekarang mereka boleh jadi doktor pun. Sekarang ramai (doktor) adalah graduan dari Universiti Malaya, dari Pusat Asasi Sains dan mereka belajar dalam bahasa Melayu juga mereka boleh jadi pandai.

Kemudian ditukarkan Sains dan Matematik (dalam bahasa Inggeris). Yang ruginya pelajar Melayu. Sudahlah perkataan dan terma saintifik dalam bahasa Inggeris sudah sukar untuk difahami. Sekurang-kurangnya mereka dapat juga belajar dan menggunakannya, tetapi sekarang mereka kata tak payah, belajar semua dalam bahasa Inggeris.

Saya rasa jika ingin mempelajari bahasa (istilah) sains, gunakan bahasa Inggeris adalah tepat untuk orang Melayu. Tak payah cuba ajar orang bahasa Melayu dalam (istilah) bahasa saintifik.

Orang Melayu mesti juga belajar



Bahasa Melayu yang betul, belajar lima hingga tujuh tahun, dari sekolah rendah sampai masuk universiti, belajar bahasa Melayu setiap tahun. Belajar sampai boleh guna (cakap atau tulis) seperti membaca artikel dalam akhbar *Berita Harian*.

Jika kita lihat kepada majalah murah, tulisan bahasa Melayu mereka sangat teruk. Jadi ini semua (angka) orang Melayu, bukan orang lain paksa dia atau bagi dia duit untuk merosakkan bahasa mereka sendiri.

Di sinilah kelemahan wujud dalam masyarakat dan perlu diperbetulkan, inilah masalah yang dihadapi orang Melayu ketika ini.

**Jadi Prof bersetuju atau tidak profesional Melayu ini terus bekerja di luar negara dan tidak pulang menabur bakti di Malaysia.**

Secara prinsipnya, anda boleh bekerja di mana-mana saja di dunia ini jika anda betul-betul memiliki kelayakan.

Akan tetapi, bagi saya, untuk hidup di Malaysia adalah perkara yang terbaik. Walaupun nenek saya berbangsa Turki dan saya dilahirkan di London, seawal usia 10 tahun saya sudah belajar di sini. Sepanjang hidup saya, saya tidak pernah berfikir untuk belajar di negara lain. Saya boleh hidup di sini.

Tetapi kalau ada orang yang hendak sangat kerja di California, Amerika Syarikat, jika ada prospek maka pergilah. Kalau hendak ikat orang tu, ikat secara sah (perjanjian).

**“Jika mereka tinggal lama di sana untuk mempelajari kemahiran baru dan sebagainya, barulah mereka akan lebih bagus. Tetapi jika mereka tamat belajar dan hanya bekerja saja, tidak menjadi apa-apa”**

**Tidakkah keadaan ini akan merugikan Malaysia pada jangka masa panjang kerana kepakaran bangsa sendiri tidak digunakan untuk membangunkan negara?**

Berapa lama untuk menilai kesan jangka masa panjang? Seorang ahli ekonomi terkenal pernah berkata, 'dalam kesan jangka masa panjang, kita semua sudah mati'. Dia berkata jangan fikirkan jangka masa panjang, hanya titik beratkan jangka masa pendek.

(Jika memikirkan kesan jangka masa panjang) Akan berlaku krisis ekonomi, macam di Malaysia harga beras naik pun ada orang beritahu tidak ada inflasi.

Kita harus berhati-hati bilakah masanya kita berhadapan dengan kepurapuraan dan bilakah masanya kita berhadapan dengan kenya-taan.

**Adakah dalam negara kita tidak cukup profesional sehingga negara memerlukan profesional yang bertugas di luar negara kembali mencurahkan bakti di negara?**

Masalah tidak cukup profesional adalah masalah output. Jika tidak cukup, kita boleh melatih lebih ramai doktor. Pada zaman saya (menjadi Naib Canselor Universiti Malaya), kami dapat menaikkan jumlah 60 peratus pelajar perubatan adalah Melayu.


Persoalan lain adakah mereka yang bekerja di luar negara ini adalah mereka yang sememangnya sudah berjaya di luar negara?

Jika dilihat dalam bidang kejuruteraan, ramai jurutera di England pun pergi ke luar negara, ke Amerika atau Australia kerana kejuruteraan bukanlah satu bidang yang hebat di England, tiada masa depan sebab itu mereka berhijrah.

Kemudian ada pula yang pergi belajar di United Kingdom, gagal dan tidak balik, tetapi cari kerja di sana dan jadi pendatang asing tanpa izin di sana.

**Pada pandangan Prof, adakah rakyat kita yang bekerja di luar negara akan lebih bagus berbanding dalam negara?**

Mereka akan lebih bagus jika mereka mengambil peluang itu untuk belajar. Ia bergantung kepada mereka, jika mereka tinggal lama di sana mereka mempelajari kemahiran baru dan sebagainya, barulah mereka akan lebih bagus. Te-



tapi jika mereka tamat belajar sebagai graduan dan hanya bekerja saja, tidak menjadi apa-apa.

**Berbalik kepada persoalan kewujudan Melayu Baru, Prof menyatakan yang golongan Melayu Baru ini akan menjamin kelangsungan hidup bangsa Melayu, tetapi tidakkah menerusi sikap golongan ini, bangsa Melayu akan terus wujud, tetapi tidak lagi bersama budaya Melayu?**

Saya fikir mereka seharusnya wujud dengan budaya sekali. Saya tidak fikir sesiapa saja boleh menukar orang seperti itu. Komunis tidak dapat melakukannya di Soviet Union.

Jika kita pergi ke Sri Lanka, ada orang Melayu di sana dan dia punya lauk Melayu pun masih ada. Mereka ada nostalgia kepada Melayu (walaupun sudah lama berhijrah).